

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]

TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status profesion Juruteknologi Makmal Perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah memohon pertimbangan pihak Kementerian di dalam menaik taraf laluan kerjaya skim Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP) yang jauh ketinggalan berbanding skim paramedik lain. Mohon perincian perancangan Kementerian Kesihatan demi menjamin skim JTMP dan kebajikan seluruh anggota JTMP.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah **menyediakan Cadangan Pewujudan Skim Perkhidmatan Bersepadu melibatkan penggabungan skim perkhidmatan Juruteknologi Makmal Perubatan dengan Penolong Pegawai Sains dan Pegawai Sains (Biomedikal, Forensik, Embriologi, Genetik, Biokimia/ Kimia Hayat dan Mikrobiologi)**.

2. **KKM telah mengemukakan cadangan tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)** dan masih dalam pertimbangan kerana JPA sedang menjalankan kajian skim perkhidmatan secara menyeluruh termasuk skim perkhidmatan ini.

Sekian, terima kasih.